

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : TUAN CHAN FOONG HIN
[KOTA KINABALU]**

SOALAN NO. 112

Tuan Chan Foong Hin [Kota Kinabalu] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan status Kong Zi Institut, Universiti Malaya :-

- a) perbelanjaan Kementerian dari November 2009 hingga kini dalam institut ini; dan
- b) jumlah pelajar-pelajar Malaysia dan luar negeri yang menyertai program program yang dianjurkan oleh institut dan manfaat dan keburukan diterima oleh Malaysia.

JAWAPAN

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

- a) Institut Kong Zi, Universiti Malaya (KZIUM) ditubuhkan pada 8 Julai 2009 di bawah satu perjanjian Memorandum Perjanjian (MOA) antara Universiti Malaya dan Ibu Pejabat *Confucius Institute* (HANBAN). KZIUM merupakan sebahagian daripada rangkaian *Confucius Institute* (CI) Global yang ditubuhkan oleh Ibu Pejabat Institut Confucius (HANBAN). Sebagai Institut Kong Zi pertama yang ditubuhkan di Malaysia, KZIUM bertindak sebagai medium bagi pencapaian pertukaran pendidikan dan budaya antara negara China dan Malaysia. Universiti Malaya telah dilantik oleh Kementerian Pengajian Tinggi (ketika itu) sebagai hos di Malaysia manakala *Beijing Foreign Studies University* (BFSU) bagi pihak China.

Objektif utama KZIUM adalah untuk meningkatkan pemahaman serta memperkuatkan struktur pendidikan bahasa Cina di Malaysia. KZIUM juga bertindak untuk mempromosikan kebudayaan Cina kepada orang ramai. KZIUM juga telah dilantik oleh HANBAN sebagai salah satu pusat peperiksaan bahasa Cina atau *Chinese Proficiency Test* atau dikenali dengan nama HSK (Hanyu Shouping Kaoshi) yang merupakan salah satu syarat kemasukan ke universiti di sana.

Dari segi pengurusan kewangan KZIUM menerima peruntukan daripada Universiti Malaya (UM), Kementerian dan pihak HANBAN. Jumlah perbelanjaan Institut Kong Zi dari tahun 2009 hingga 2018 adalah sebanyak RM 2,841,963.71.

Pada awal penubuhannya Institut Kong Zi diletakkan di bawah tadbir urus *University of Malaya for Continuing Education* (UMCCED) sehingga akhir tahun 2010 dan urusan kewangannya dibuat oleh UMCCED. Mulai tahun 2011, Institut Kong Zi beroperasi sendiri dan diberikan peruntukan belanja mengurus yang berasingan.

Jumlah keseluruhan peruntukan yang diterima daripada HANBAN sejak tahun 2009 adalah RM3,844,004.57.

- b) Seramai 342 orang pelajar dari Malaysia telah mengikuti program di negara China anjuran Institut Kong Zi di China sejak tahun 2011 hingga 2018. Terdapat empat program yang dijalankan setiap tahun iaitu:
1. Program *Summer Camp* melibatkan mahasiswa universiti awam (UA) iaitu UM, UPNM, UITM, UUM, UNIMAP, UTHM, UTM, UNISZA, UMK, UPM, UMP di negara China untuk tempoh 2 minggu.
 2. *Program Winter Camp* melibatkan pelajar-pelajar sekolah menengah yang dibawa ke negara China untuk tempoh dua minggu.
 3. Pertandingan *Chinese Bridge* adalah pertandingan untuk bukan penutur bahasa Mandarin khusus bagi pelajar universiti dan pelajar

sekolah menengah. Pemenang tempat pertama dan kedua pertandingan ini di peringkat Malaysia akan mewakili negara di peringkat antarabangsa yang akan diadakan di China. Pertandingan ini melibatkan penyertaan lebih dari 40 negara dari seluruh dunia.

4. Biasiswa Institut *Confucius* ditawarkan kepada pelajar-pelajar Malaysia yang akan menyambung pelajaran mereka di peringkat ijazah pertama, sarjana dan PhD di universiti-universiti di China. Biasiswa ini ditawarkan untuk mengikuti pengajian dalam bidang berkaitan dengan pengajaran bahasa Mandarin kepada pelajar asing, bahasa Tradisional Cina dan Perubatan Tradisional Cina.

Beberapa manfaat daripada program yang dianjurkan oleh KZIUM antaranya:

1. Merapatkan lagi hubungan antara Malaysia dan China memandangkan kerajaan China.
2. Mengajar Bahasa Mandarin dan memperkenalkan kebudayaan China kepada mereka yang bukan dari kalangan penutur bahasa Cina.
3. Ibu pejabat *Confucius Institute*, iaitu HANBAN yang diletakkan di bawah Kementerian Pendidikan China telah menyediakan guru bertauliah untuk mengajar bahasa Mandarin dan kebudayaan Cina. Guru-guru ini merupakan graduan *Masters of Teaching Chinese to Speakers of Other Language*.
4. Kos pengajaran Bahasa Mandarin dapat dikurangkan kerana emolumen guru dari China dibiayai sepenuhnya oleh kerajaan China.
5. Pelajar dan guru dari Malaysia berpeluang melanjutkan pelajaran dalam bidang pengajaran bahasa Mandarin di mana-mana universiti di negara China dengan biasiswa penuh yang ditawarkan oleh *Confucius Institute* (HANBAN).
6. Rakyat Malaysia terutamanya pelajar universiti dan sekolah berpeluang mengikuti program-program yang ditawarkan oleh

universiti-universiti di China dengan semua perbelanjaan di China akan dibiayai sepenuhnya oleh pihak China.

7. Institut Kong Zi juga menjadi perantara universiti di China, sekiranya ada permohonan untuk mengadakan kerjasama akademik di antara universiti-universiti di China dan Malaysia.
8. Banyak kerjasama akademik yang telah dilaksanakan terutama penghantaran guru Mandarin tempatan ke China untuk mengikuti kursus berkaitan pengajaran bahasa Mandarin. Institut Kong Zi menjemput pakar dari China untuk mengendalikan bengkel pemantapan pengajaran Bahasa Mandarin kepada guru-guru Bahasa Mandarin di Malaysia.

Sekian, terima kasih.

RT18/112